



JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 8, BANGUNAN SULTAN ABDUL HALIM,
JALAN SULTAN BADLISHAH,
05000 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN
TEL: 04-7333844 FAKS: 04-7310610

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Kedah Darul Aman) seperti yang dinyatakan di bawah ini:-

PEMANDU KENDERAAN GRED H11

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Kemahiran
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
GRED JAWATAN / GAJI	: H11
TARAF JAWATAN	: Tetap

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
- (c)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
 - (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji Pemandu Kenderaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D :RM 1,264.15
- Lesen E/E1/E2 :RM 1,310.30
- Lesen F/H :RM 1,356.45
- Lesen G/I :RM 1,402.60

(Keutamaan pemohon untuk memiliki Kelas Lesen E dan ke atas)

SYARAT KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keujian (*sekurang-kurangnya Gred C*) dalam subjek *Bahasa Melayu* dan (*sekurang-kurangnya Gred D*) *Matematik* pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN

Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun dan perlu mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa

CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang boleh didapati sendiri di Kaunter Hasil, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman mulai **02 JULAI 2019 (SELASA)**.
2. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - a) Kad pengenalan diri;
 - b) Sijil Kelahiran;
 - c) Sijil Berhenti Sekolah;
 - d) Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah) *Mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon;
 - e) Lesen Memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Penangkutan Jalan;
 - f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport ; dan
 - g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada).
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh pegawai kerajaan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional, Penghulu Mukim atau Jaksa Pendamai.

4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui KETUA JABATAN masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
5. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
6. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Pengarah,
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman
Aras 8, Bangunan Sultan Abdul Halim
Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN**

TARIKH TUTUP : 15 JULAI 2019 (SEBELUM 05.00 PETANG)

WAKTU PENJUALAN BORANG : AHAD – RABU (08.30 PAGI – 12.00 TENGAH HARI)
KHAMIS (08.30 PAGI – 11.30 TENGAH HARI)

HARGA PENJUALAN : RM 5.00

HAD PENJUALAN : TERHAD 2 BORANG / INDIVIDU

ASAS TAPISAN

Bergantung kepada jumlah permohonan yang layak mengikut syarat dalam iklan berbanding dengan kekosongan jawatan, pentadbiran ini akan menetapkan Asas Tapisan untuk menentukan sejumlah calon yang sesuai untuk dipanggil temuduga.

KEKOSONGAN JAWATAN

Permohonan ini adalah bagi mengisi kekosongan jawatan di Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman.

PERMOHONAN YANG DITOLAK

1. Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dalam Skim Perkhidmatan;
2. Permohonan yang dibuat dengan tidak mengisi borang dengan lengkap serta menyertakan dokumen-dokumen tidak jelas;
3. Permohonan yang dibuat tanpa melalui Ketua Jabatan bagi Pegawai yang sedang berkhidmat atau pun melalui Ketua Jabatan tetapi tidak disertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi;
4. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan.

PEMBERITAHUAN CALON YANG TIDAK BERJAYA

Calon yang tidak dipanggil temuduga kerana tidak memenuhi syarat Asas Tapisan hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA** jika tidak menerima sebarang makluman selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan.